

12 NOV 1999

Tarikh-reaksi

PBS KATA TIADA MASALAH TARIKH PILIHAN RAYA

KOTA KINABALU, 12 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Maximus Ongkili berkata parti itu tiada masalah dengan tarikh pilihan raya umum kali ini kerana jentera pilihan rayanya sudah bergerak lebih awal.

"Bagi kita, lebih cepat lebih baik. Lagipun keadaan di Sabah, terutamanya di luar bandar ketika ini begitu sibuk kerana musim menanam padi sudah tiba," katanya ketika dihubungi di Kota Marudu, 140km dari sini, hari ini bagi mengulas keputusan Suruhanjaya Pilihanraya menetapkan 29 Nov ini sebagai hari mengundi.

Maximus, yang juga anggota parlimen kawasan Bandau, berkata tarikh itu memberi kelebihan kepada semua parti di Sabah kerana jentera pilihan raya masing-masing, yang ditubuhkan ketika menghadapi pilihan raya negeri Mac lepas, masih bergerak.

Ketika ditanya persiapan parti itu di kawasan Bandau, beliau berkata, ia bergerak dengan lancar.

"Pagi ini pun saya baru selesai bermesyuarat dengan anggota jentera pilihan raya untuk menggerakkan persiapan mereka," katanya.

Maximus dijangka mempertahankan kerusi Bandau pada pilihan raya kali ini.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional Dr Chandra Muzaffar menyifatkan tempoh berkempen selama sembilan hari yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sebagai terlalu singkat.

Beliau berkata bagi negara yang seluas Malaysia yang mempunyai hampir 10 juta pengundi, tempoh kempen itu sepatutnya lebih panjang.

"Yang saya tak faham kenapa SPR sejak tahun 1981 putuskan sembilan hari walhal sebelum Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, SPR memutuskan tiga minggu dan sebelum tahun 70an, SPR memutuskan lima minggu...bermakna bahawa kepimpinan politik yang mempengaruhi SPR dalam soal ini," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Keadilan di sini.

Chandra mengakui sukar bagi barisan pembangkang bersaing dengan jentera pilihan raya Barisan Nasional tetapi mereka akan tetap menggunakan tempoh berkenaan bagi mendapatkan sokongan pengundi.

Mengenai calon, beliau berkata barisan pembangkang yang dianggotai Keadilan, PAS, DAP dan PRM, masih membincangkan perkara itu.

Di KOTA BAHARU, Ketua Penerangan PAS Kelantan Abdul Fatah Harun berkata parti itu tidak mempunyai sebarang masalah berhubung dengan tarikh penamaan calon dan mengundi itu kerana ia sudah membuat persediaan bagi menghadapi pilihan raya sejak beberapa bulan lepas.

"PAS bukanlah parti yang aktif ketika musim mengundi sahaja," katanya.

-- BERNAMA

JAI MAI